



**FAKTA**  
 KPDNHEP rampas 739 cartridge guna dakwat tiruan bernilai RM78,647

AZEEM (kanan) menunjukkan dakwat yang dirampas dalam serbuan di Lembah Klang.

Azeem Nazari berkata, pihaknya merampas 739 unit cartridge menggunakan dakwat tiruan dengan perihalan dagangan palsu jenama terkenal dianggarkan bernilai RM78,647.

Katanya, turut disita ialah satu komputer dan mesin mencetak pelbagai model jenama terkenal.

"Kita turut menahan enam individu iaitu lima lelaki dan seorang wanita berusia 30 hingga 35 tahun di mana ada dalam kalangan mereka adalah pemilik premis.

"Siasatan kita mendapati premis itu dimiliki sindiket sama yang menjalankan kegiatan ini, malah mereka turut memiliki kotak pembungkusan asli yang dibeli di pasaran barangan terpakai," katanya.

Bellau berkata demikian pada sidang media di Stor Simpanan KPDNHEP WPKL di Jalan Segambut di sini, semalam.

Azeem berkata, sindiket mampu mengaut keuntungan mencecah RM250,000

**Muhaamad Hafis Nawawi**  
 mhafis@metro.com.my

**Kuala Lumpur**

**D**emi mengaut keuntungan, sindiket menjual dakwat tiruan menggunakan kartus pita (cartridge) terpakai pelbagai jenama pada harga lebih murah untuk pasaran di Lembah Klang.

Bagaimanapun, modus operandi sindiket itu yang beroperasi sejak setahun lalu terbongkar selepas Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) menyerbu lima premis, kelmarin.

Serbulan jam 4.30 petang itu membabitkan 13 pegawai penguat kuasa KPDNHEP dan wakil pemilik cap dagang berdaftar di sekitar Kampung Kerdas, Stesen Minyak Petron Sungai Besi, Taman Bukit Teratai, Taman Maluri serta Taman Komersial Pandan Indah, di sini, hasil risikan selama tiga bulan.

Ketua Pegawai Penguat-kuasa KPDNHEP WPKL,

# Jual dakwat tiruan

■ **Sindiket kaut untung guna cartridge terpakai jenama terkenal**

di mana setiap unit cartridge palsu berkenaan dijual pada harga antara RM100 hingga RM250 di pasaran. "Mereka menyarankan pasaran jualan di sekitar Lembah Klang dan dijual apabila mendapat tempahan, malah sukar untuk membezakan barangan tiruan terbabit dengan tulen kerana ia menggunakan kotak dan cartridge bernilai RM1,984,008. Sementara itu, Azeem ber-

kata, sepanjang tahun ini, sebanyak 62 kes disiasat mengikut Seksyen 8 Akta Perihal Dagangan 2011 dengan jumlah sitaan 52,936 unit bernilai RM1,984,008. Menurutinya, KPDNHEP memberi amaran akan mengambil tindakan keras terhadap mana-mana individu atau syarikat yang melanggar undang-undang khususnya membabitkan penjualan dan pengedaran barangan tiruan.